

## MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)

Berita Harian – 2 November 2015 ( A )

# Galak penzahiran prosiding mesyuarat



**RITA BENOY  
BUSHON**

» *Tingkat ketelusan demi kepentingan pemegang saham syarikat awam*

Pendirian Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) menggalakkan penzahiran minit mesyuarat agung syarikat tersenarai awam atau sekurang-kurangnya ringkasan prosiding mesyuarat menerusi laman web sebaik-baiknya dalam tempoh sebulan selepas mesyuarat terbabit adalah jelas.

Matlamat utama amalan ini adalah untuk meningkatkan ketelusan demi kepentingan pemegang saham syarikat awam supaya keputusan pelaburan mereka dapat dilakukan berdasarkan maklumat terkini dan komprehensif.

Bagaimanapun, halangan utama untuk melaksanakannya dikatakan bahawa ia mungkin mempunyai potensi melanggar aspek 'maklumat

sulit komersial yang munasabah', yang bertumpu kepada kecenderungan pengiktirafan perlindungan kepentingan syarikat diberikan lebih keutamaan daripada ketelusan.

### **Beri syarikat kelebihan**

Secara ringkasnya, ada yang berpendapat sesebuah syarikat patut dibenarkan untuk tidak menzahirkan minit mesyuarat di dalam situasi yang dianggap berpatutan oleh syarikat.

Masalah yang mungkin timbul sekiranya kelonggaran sebegitu diberi adalah bahawa maklumat penting syarikat mungkin hanya dizahirkan kepada segolongan pelabur yang hadir mesyuarat dan ini berpotensi melanggar undang-undang kezahiran maklumat penting syarikat kepada semua pihak.

Tambahan pula, terlalu banyak kuasa kini berada di tangan syarikat dan terlalu sedikit semakan dan imbalan (check and balance) yang wujud.

Ringkasnya, imbalan kuasa agak berat sebelah dan terlampau memihak kepada syarikat, sekali gus memberikan syarikat kelebihan dari segi

apa dan bila serta bagaimana mereka perlu berkongsi maklumat penting dengan pemegang saham minoriti.

Pada pandangan kami, pema-tuhan kepada peraturan am yang menggalakkan penzahiran segera prosiding mesyuarat bukan hanya akan meningkatkan tahap maklumat di kalangan pemegang saham minoriti, malah ia turut menambah kepada semakan dan imbalan di dalam sistem.

### **Selari amalan negara ASEAN**

Selain itu, amalan ini juga akan meletakkan Malaysia selari dengan amalan di negara ASEAN yang lain seperti Thailand, yang mana walaupun mereka adalah pasaran lebih kecil, namun mereka terlebih dahulu mengiktiraf ketelusan dan akauntabiliti adalah teras utama tadbir urus. Ini adalah elemen diperlukan bagi pertumbuhan mapan dan kepentingan komersial, terutama bagi syarikat awam.

Kami tidak melihat bagaimana penzahiran awam ini akan membataskan perbincangan yang terusterang, seperti mana sesuatu sidang media tidak pernah kekurangan soalan panas, lebih-lebih lagi dengan jangkaan laporan yang akan dikeluarkan pada hari berikutnya.

Kira-kira 40 syarikat tersenarai awam di Malaysia sudah menzahirkan prosiding mesyuarat agung mereka. Walaupun pendedahan minit MAT amatlah disyorkan, ia tidak bermaksud syarikat perlu menzahirkan setiap perkataan yang diucapkan.